

11 NOV 1997

Mahathir-Gerakan

GERAKAN KEBANGSAAN PULIHKAN EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu gerakan kebangsaan akan dilancarkan tidak lama lagi dengan menggembelngkan tenaga rakyat bagi memulihkan ekonomi negara yang merosot berikutan serangan terhadap ringgit.

Perdana Menteri berkata gerakan itu, yang akan memperincikan tindakan yang boleh dibuat oleh setiap rakyat di semua peringkat, adalah sebahagian daripada usaha untuk menangkis perbuatan pihak terbabit selain mengembalikan semula kuasa untuk menentukan nasib sendiri dalam pembangunan dan kemajuan negara.

"Kerajaan mempunyai cara untuk mengatasi masalah ini, tetapi rancangan dan cara yang dibuat oleh kerajaan tak akan mencapai kejayaan melainkan rakyat sendiri dapat mendisiplinkan diri dan menerima rancangan ini," katanya ketika berucap melancarkan Trak Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata, gerakan itu akan membabitkan antara lainnya soal tabiat kerja dan belajar serta beberapa perkara lain yang dilakukan tanpa difikirkan dengan mendalam.

Katanya serangan terhadap mata wang negara telah mengakibatkan Malaysia tidak dapat menentukan nasibnya sendiri sebaliknya terpaksa menunggu tindak balas orang lain.

"Keadaan ini tidak boleh dibiarkan berterusan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, rancangan itu boleh dijayakan oleh rakyat negara ini jika mereka sanggup bergerak dan bertindak secara tersusun dan tertib.

"Saya yakin bahawa rakyat Malaysia boleh berbuat demikian, kita boleh bersikap secara tertib, kita tidak akan panik, kita tidak akan buat tindakan yang merugikan kita lagi, kita tidak akan hanya memikir tentang kepentingan diri tanpa memikir tentang kepentingan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus ingat bahawa kemajuan diri mereka bergantung kepada kemajuan negara dan jikapun ada beberapa orang yang berpendapat bahawa yang penting ialah kejayaan dan kekayaan bagi dirinya sahaja tetapi mereka ini akhirnya akan rugi.

"Rancangan yang kita akan lancarkan ini akan melibatkan seluruh rakyat di semua peringkat dan di semua bidang, sama ada dia menjadi seorang pemilik syarikat korporat yang besar, pengurus, pekerja, buruh kasar ataupun orang yang membuat perniagaan kecil persendirian, semua akan terlibat dalam usaha kita untuk mengembalikan balik kuasa pembangunan negara kita ini ke tangan kita semula," kata beliau.

Katanya majlis pelancaran Trak Nasional hari ini mempunyai kaitan rapat dengan gerakan yang akan dilancarkan oleh kerajaan itu nanti.

Dr Mahathir berkata antara usaha penting meningkatkan perdagangan negara ialah dengan menambah eksport dan mengurangkan import.

"Hari ini Malaysia mengalami defisit dalam dagangan iaitu import negara melebihi eksport. Jawapan kepada masalah ini bukanlah untuk menurunkan kadar pertumbuhan ekonomi sebaliknya cara mengatasi masalah ini ialah untuk meningkatkan eksport dan mengurangkan import," katanya.

Perdana Menteri berkata Belanjawan 1998 telah menyebut mengenai pentingnya import dikurangkan dan eksport ditambah.

"Pengeluaran Trak Nasional ini sudah tentu dapat membantu negara mengurangkan import kenderaan (jenis) itu," katanya.

Beliau meminta DRB-Hicom, pengeluar Trak Nasional yang dikenali sebagai Hicom Perkasa itu meningkatkan penggunaan komponen tempatan dalam kenderaan

itu dalam masa lima tahun.

Sebelum itu Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Datuk Saleh Sulong berkata bahawa pada masa ini Hicom Perkasa menggunakan lebih 50 peratus komponen tempatan dan ia akan dipertingkatkan kepada 80 peratus dalam masa lima tahun.

Dr Mahathir berkata industri motor di Malaysia telah mencatat kejayaan luar biasa berdasarkan kemampuan pengeluaran yang tinggi setahun untuk memenuhi permintaan tempatan dan juga pasaran eksport.

Kejayaan projek kereta nasional Proton umpamanya adalah hasil sokongan rakyat negara ini yang menjadi pembeli, kata beliau.

"Kejayaan itu akan menjadi lebih bermakna jika penggunaan komponen untuk kenderaan terus dipertingkatkan," katanya.

Pembukaan pasaran kepada komponen tempatan akan membantu mengembangkan industri kecil melalui vendor tempatan dan perusahaan komponen itu bukan sahaja dapat menampung permintaan tempatan malah untuk pasaran eksport.

Komponen keluaran tempatan pula, kata Dr Mahathir, seharusnya menggunakan 100 peratus bahan tempatan. -- BERNAMA

AFY MAI